

06/09/1997

Penangguhan Bakun tidak mengejutkan

KEPUTUSAN kerajaan untuk menangguhkan beberapa projek gergasi malam tadi tidak harus dianggap mengejutkan. Sejak beberapa minggu lalu, iaitu selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kemungkinan kerajaan menghentikan beberapa projek yang dianggap tidak kritikal, timbul pelbagai spekulasi mengenai projek manakah yang bakal menjadi mangsa.

Walaupun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari berikutnya cuba mengecilkan kemungkinan penangguhan itu dengan berpendapat ia mungkin membabitkan pengurangan import, penangguhan projek terbabit tetap dilaksanakan.

Ini mungkin kali pertama sejak negara pulih daripada kelembapan ekonomi, kerajaan terpaksa menangguhkan projek nasional kerana keadaan ekonomi yang dianggap membimbangkan.

Bagaimanapun, dengan dua daripada tiga projek yang dimaksudkan - projek KL LinearCity dan Lapangan Terbang Wilayah Utara (NR1A) - masih di peringkat awal, keputusan untuk menangguhkan projek empangan hidro elektrik Bakun di Sarawak sememangnya tidak disangka.

Sudah tentu tidak ramai akan menjangkakan Bakun menjadi mangsa, lebih-lebih lagi dengan pelbagai jaminan kerajaan dan sokongan padu kerajaan Sarawak dalam menjayakannya.

Projek Empangan Bakun sememangnya sebuah projek nasional yang perlu diutamakan. Penangguhannya menimbulkan pelbagai persoalan kerana ia sudah tentunya bukan projek tidak kritikal, jika berdasarkan kenyataan awal Timbalan Perdana Menteri sendiri.

Segala-galanya berjalan lancar bagi Ekran Bhd yang memegang ekuiti utama dalam projek itu, sehingga pertengahan tahun ini, apabila 'keretakan' mulai timbul dalam projek empangan itu, yang berupa pertelingkahan kecil di antara pemegang konsesi empangan berkenaan dengan salah satu kontraktornya sedikit sebanyak mengeruhkan keadaan.

Ini disusuli pula dengan kegagalan saham BHC yang menjadi IPO pertama disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) terlebih langgan dan diikuti yang terbaru, isu pampasan penduduk pribumi yang terpaksa dipulangkan semula kerana tidak mencukupi.

Anwar, yang memberi penjelasan lanjut mengenai penangguhan projek berkenaan tidak memberitahu sama ada masalah perjanjian kontrak di antara ABB dan Bakun Hydroelectric Corporation Bhd (BHC), menjadi punca utama sehingga projek raksasa berharga RM15 bilion itu terpaksa ditangguhkan.

Penangguhan projek KL LinearCity (KLLC), walaupun pada kasarnya mungkin dianggap sesuai lebih-lebih lagi dengan property glut yang dijangka melanda Kuala Lumpur dalam tempoh beberapa bulan akan datang, sebenarnya memberi kesan mendalam kepada pembangunan bandar raya.

Projek yang dilancarkan pertengahan tahun lalu itu dianggap yang pertama seumpamanya di dunia, membabitkan pembinaan pusat komersil dan kediaman di atas atau sepanjang Sungai Klang, membabitkan jarak kira-kira 20 kilometer.

Komponen utama projek bernilai kira-kira RM9 bilion itu ialah Gigaworld, bangunan sepanjang lima kilometer dan setinggi enam tingkat berbentuk bujur, yang akan dibina di atas Sungai Klang, berhampiran Jalan Syed Putra.

Selain itu, projek KLLC turut membabitkan pembinaan sistem pengangkutan monorel iaitu People-Mover Rapid Transit (PRT) sejauh 16 kilometer, bermula dari stesen Pekeliling sehingga Jalan Klang Lama, dan melalui

kawasan strategik seperti Chow Kit, Jalan Sultan Ismail, Jalan Bukit Bintang dan Gigaworld.

Di sini timbul persoalan baru. Projek PRT dianggap komponen utama KLLC kerana menjadi sistem pengangkutan utama untuk projek berkenaan dengan tiga stesen khas di Gigaworld sendiri (yang turut dihubungkan dengan KL Sentral).

Jika KLLC ditangguhkan, apakah ia turut memberi kesan kepada PRT yang kini sedang giat dibina (dan menimbulkan kesesakan lalu lintas teruk) di ibu kota?

Bagaimanapun, sudah tentunya projek Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara atau NR1A akan terpacu dalam sejarah sebagai yang paling cepat diilhamkan, dan yang terpantas ditangguhkan.

Projek yang dianggarkan bernilai RM13 bilion itu dirancang di atas tanah tebus guna di Kuala Muda, Kedah dan dilaksanakan mengikut konsep Lapangan Terbang Antarabangsa Kansai di Jepun.

(END)